

PM lancar telefon selular pertama M10

UM - 25/2/2006

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan telefon selular pertama negara M10 yang dikeluarkan oleh M Dot Mobile Sdn. Bhd (M. Mobile).

Telefon selular yang dibangunkan dan dicipta oleh jurutera-jurutera tempatan mempunyai ciri-ciri unik seperti waktu sembahyang, bunyi azan dan menentukan arah kiblat.

Abdullah semasa berucap melancarkan M10 memberitahu, beliau bangga dengan kejayaan M.Mobile membangunkan serta mengeluarkan telefon selular pertama negara ini.

Katanya, walaupun M. Mobile sebuah syarikat kecil jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat pengeluar telefon selular besar di dunia tetapi berupaya untuk mereka bentuk dan mengeluarkan M10.

"Ini merupakan satu kejayaan besar dan saya bangga dengan keupayaan M.Mobile untuk mengeluarkan telefon selular tersebut," katanya.

Turut hadir pada pelancaran tersebut ialah Pengerusi M.Mobile, Norhamzah Nordin dan CEO, Ir. Zainudin Mohd. Salleh.

Abdullah menambah, kejayaan M.Mobile memasarkan telefon selular itu ke Arab Saudi juga merupakan kebanggaan negara.

"Saya juga berharap M.Mobile dapat mengeluarkan telefon selular yang mempunyai ciri-ciri untuk pasaran yang lebih luas terutama bagi mereka yang bukan beragama Islam.

"Menumpukan pasaran kepada negara-negara Islam adalah baik tetapi ia akan lebih berkembang jika dapat dipasarkan di negara-negara lain," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, M.Mobile perlu terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) kerana ia akan dapat membantu membangunkan produk yang lebih banyak, pelbagai serta untuk pasaran yang lebih luas.

Tegasnya, R&D adalah kunci kepada kejayaan sesebuah syarikat kerana walaupun ia kecil dari segi modal tetapi jika dapat membangunkan produk-produk yang bermutu dan sesuai dengan pasaran akan dapat mengalahkan syarikat-syarikat yang lebih besar.